

3.1.4.3

Pemeriksaan Sebelum Melaksanakan Kerja Menebang Pokok

- Kontraktor perlu menyediakan semua peralatan keselamatan dan peralatan kerja yang bersesuaian.
- Buat pemeriksaan teliti terhadap keadaan pokok yang hendak ditebang dari segi kecondongan, ketinggian sebenar, tahap kekeringan / kereputan pokok yang didapati mati dan lain-lain bagi memastikan kerja pemotongan pokok dapat dibuat dengan baik.
- Pastikan keselamatan harta benda dan pengguna yang berhampiran dengan pokok berkenaan Contoh: talian elektrik, telefon, papan tanda, pagar, tong sampah, kenderaan dan lain-lain.
- Pastikan wakil P. Penguasa diberitahu/hadir sebelum kerja penebangan dijalankan.
- Pastikan tanda keselamatan seperti kon, papan tanda pemberitahuan diletakkan di kawasan tapak kerja.
- Dapatkan bantuan pihak keselamatan UiTM sekiranya kerja yang hendak dilakukan akan mengganggu atau membahayakan pengguna jalanraya atau pejalan kaki.
- Mempastikan keadaan mesin 'chainsaw' berada dalam keadaan baik dan selamat digunakan .

3.1.4.4

Semasa Kerja Penebangan Dijalankan


- Apabila kerja penebangan akan dimulakan pastikan pengawas lalulintas dan pekerja pembantu bersedia sepenuhnya bagi memastikan kawasan persekitaraan selamat. Ini boleh dibuat secara isyarat atau melalui walkie-talkie.
- Sekiranya melibatkan jalanraya atau laluan awam pastikan pihak keselamatan hadir bagi mengawal pergerakan lalulintas/pengguna berkenaan.

- Pekerja yang memotong pokok perlu memberi isyarat 'SEDIA' apabila pokok yang dipotong bersedia untuk ditumbangkan.
- Penebangan pokok yang ketinggian melebihi 10 meter mestilah menggunakan 'Mobile Crane' yang sesuai di mana pemotongan dibuat secara berperingkat-peringkat dari atas ke bawah.

3.1.4.5

Selepas Kerja Penebangan Pokok Dijalankan

- Sebaik sahaja pokok selesai ditebang / tumbang, pekerja hendaklah dengan segera memotong, mengemas dan mengumpul dahan / batang pokok yang menghalang laluan, jalan atau tempat letak kenderaan.
- Potong pangkal pokok separas dengan tanah sekeliling setelah semua pemotongan utama selesai dibuat.
- Semua sisa pemotongan termasuk habuk perlu dikumpul dan diangkat serta dibuang keluar kampus pada hari yang sama.
- Sebarang kerosakkan harta benda/kemudahan awam hendaklah dilaporkan dengan segera kepada Pegawai Penguasa UiTM/wakil untuk tindakan selanjutnya. Kontraktor perlu mengambil gambar kerosakan berkenaan sebagai sebahagian daripada laporan.



Gambarajah : Mencantas Pokok Teduhan



Rajah 2b – mencantas pokok teduhan – berjadual, dengan maksima 4 dahan dipotong pada ketinggian akhir potongan 6 meter.



Rajah 2b – selepas pemangkasan

Gambarajah : Mencantas Pokok Teduhan



Rajah 2c – mencantas pokok teduhan – berjadual, dengan maksima 4 dahan dipotong pada ketinggian akhir potongan 9 meter.



Rajah 2c – selepas pemangkasan

Gambarajah : Mencantas Pokok Teduhan



Rajah 2d – mencantas pokok teduhan –berjadual dengan maksima 4 dahan dipotong pada ketinggian akhir potongan 12 meter.



Rajah 2d – selepas pemangkasan

Gambarajah : Mencantas Pokok Teduhan



Rajah 3a – mencantas pokok teduhan – pemulihan, dengan minima 5 dahan dipotong pada ketinggian akhir potongan 6 meter.



Rajah 3a – selepas pemangkasan

Gambarajah : Mencantas Pokok Teduhan



Rajah 3b – mencantas pokok teduhan – pemulihan, dengan minima 5 dahan dipotong pada ketinggian akhir potongan 12 meter.



Rajah 3b – selepas pemangkasan